

# Tengku Maimun ketuai panel hakim dengar rayuan Najib

Bekas PM mohon masukkan bukti baharu pembabitan keluarga Zeti

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat mengetuai panel lima hakim Mahkamah Persekutuan mendengar permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk memasukkan bukti baharu dalam rayuan akhir penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Turut sama bersidang dalam panel itu ialah Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Rohana Yusuf; Hakim Besar Malaya, Tan Sri

Azahar Mohamed; Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim; dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Mohd Zawawi Salleh.

Dalam prosiding semalam, panel itu mendengar permohonan Najib untuk memasukkan bukti baharu dalam rayuan akhirnya dengan alasan terdapat pembabitan keluarga bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz bekerjasama dalam rancangan jahat ahli perniagaan kontroversi, Low Taek Jho atau Jho Low terhadap dirinya.

Pada 7 Disember tahun lalu, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan menolak permohonan Ahli Parlimen Pekan itu untuk memasukkan bukti baharu berkenaan selepas mendapati beliau

gagal menunjukkan terdapat keadaan luar biasa bagi membolehkan mahkamah menerima bukti itu.

Sehari kemudian, panel yang diketuai Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil bersidang bersama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera sebulat suara menolak rayuan Najib dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib.

Hakim Mahkamah Tinggi (kini Hakim Mahkamah Rayuan) Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali yang membuat keputusan pada 28 Julai 2020, mendapati Najib bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pe-

ngubahan wang haram dan RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC).

Pada masa sama, Najib turut memfailkan permohonan supaya beliau dibenarkan mengambil khidmat peguam kanan (QC) daripada United Kingdom (UK) untuk mewakilinya dalam rayuan akhir itu, yang dijangka akan didengar pada akhir Jun ini.

Pada 25 Januari lalu, Najib melalui peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam sepucuk surat dialamatkan kepada Setiausaha Ketua Hakim Negara memohon dibenarkan untuk diwakili seorang QC.

Permohonan itu dibuat atas alasan QC mempunyai kepakaran untuk menasihati dan berpengalaman mengendalikan rayuan akhir Najib Razak yang dikatakan sangat kompleks membatikan isu dan persoalan perundangan baharu bukan sahaja di bidang kuasa negara ini, malah di negara Komanwel.



Tun Tengku Maimun  
Tuan Mat